

NO. SOALAN: 34

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN TEO NIE CHING [KULAI]

TARIKH : 10MAC 2015

RUJUKAN : 7486

SOALAN:

Puan Teo Nie Ching [Kulai] minta MENTERI DALAM NEGERI menyatakan jumlah laporan polis dibuat terhadap Mashitah Ibrahim dan YB Menteri Ismail Sabri, dan hasil siasatan polis.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pihak Polis sentiasa memandang serius sebarang kenyataan yang ditakrifkan sebagai menghasut terutamanya yang menyentuh isu sensitiviti perkauman dan agama tanpa mengira kedudukan seseorang yang mengeluarkan pernyataan tersebut dan akan menjalankan siasatan atas laporan yang telah dibuat.

Berkaitan dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh YB Datuk Seri Ismail Sabri, dalam laman sosial yang mengajak orang ramai memboikot peniaga Cina yang menguasai perniagaan, sebanyak 32 laporan polis telah dibuat oleh pelbagai pihak membantah kenyataan tersebut. Pihak polis telah menjalankan siasatan berkait Tun H.S. Lee Repot 4237/2015 pada 03 Februari 2015. Percakapan semua saksi dan suspek telah diambil dan kertas siasatan akan dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya setelah siasatan lengkap sepenuhnya.

Siasatan berhubung dengan kenyataan yang dikeluarkan oleh Dato' Dr. Mashitah Ibrahim yang menyatakan komuniti Cina di Kuala Kedah telah membakar Al-Quran dalam upacara keagamaan, semasa Perhimpunan Agong UMNO di PWTC. Sebanyak 10 laporan polis telah dibuat oleh pelbagai pihak bagi membantah kenyataan yang dikeluarkan oleh suspek. Siasatan telah dijalankan berkait Sentul Repot 20032/2015 bertarikh 05

Disember 2014, di bawah Seksyen 505 (b) Kanun Keseksaan iaitu kesalahan yang melibatkan kenyataan-kenyataan yang mendatangkan khianat awam. Siasatan telah lengkap dan telah dirujuk ke Pejabat Peguam Negara pada 5 Februari 2015 dan menunggu arahan selanjutnya.